



ROSMAH Mansor dan Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali melihat koleksi buku yang dipamerkan di Pusat Sumber Bangunan BAKTI Siti Hasmah di Kuala Lumpur, semalam.

- Gambar SAHARUDDIN ABDULLAH

Siti Hasmah rasmi Pusat Sumber BBSH

Oleh YULPISMAN ASLI

KUALA LUMPUR 20 Mac - Badan Amal dan Kebajikan Isteri-Isteri Menteri dan Timbalan Menteri (BAKTI) kini mempunyai pusat sumber sendiri bagi menyediakan lebih banyak maklumat dan ilmu pengetahuan dalam pelbagai bidang kepada ahli-ahlinya.

Pusat sumber itu bertempat di tingkat dua Bangunan BAKTI Siti Hasmah (BBSH) di Jalan Cangkat Abang Haji Openg, Taman Tun Dr. Ismail di sini.

Perasmian pusat sumber itu yang lebih dikenali sebagai Pusat Sumber BBSH, disempurnakan oleh Pengerusi Lembaga Pentadbir BBSH, Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali.

Turut hadir ialah Pemangku Yang Dipertua BAKTI, Datin Seri Rosmah Mansor dan Pengerusi Pusat Sumber BAKTI, Datin Khamarzan Ahmed Meah.

Pusat sumber itu mempunyai le-

bih 2,000 tajuk buku merangkumi 11 bidang meliputi politik, wanita, perniagaan dan biografi.

Dalam ucapan perasmianya, Dr. Siti Hasmah berkata, penubuhan Pusat Sumber BBSH itu merupakan satu lagi kebanggaan kepada BAKTI kerana ia berpotensi menjadi pusat pembelajaran sepanjang hayat.

Katanya, ia juga membolehkan ahli-ahlinya menimba pelbagai maklumat dan cabang ilmu pengetahuan termasuk teknologi komunikasi dan maklumat (ICT).

Menurut beliau, walaupun secara fizikalnya agak terhad, tetapi penyediaan maklumat pusat sumber itu tidak terbatas berikutan penggunaan teknologi komputer dalam sistem penyampaiannya.

"Koleksinya sangat luas merangkumi bidang seperti politik dan kerajaan, budaya dan tradisi, biografi, kesihatan, kesusasteraan, muzik, masakan, sukan dan banyak lagi. Ia memenuhi cita rasa dan minat ah-

li-ahli BAKTI yang pelbagai," katanya.

Tambah Dr. Siti Hasmah, penggunaan teknologi moden juga membolehkan Pusat Sumber BBSH menjalin rangkaian dengan pusat sumber, perpustakaan atau pusat penyelidikan tempatan serta antarabangsa melalui Internet.

"Saya berharap ahli-ahli BAKTI akan menggunakan kelebihan yang ada di pusat sumber ini untuk menambah ilmu pengetahuan, berkongsi pengalaman bagi meningkatkan lagi daya saing dan kemahiran," ujarnya.

Sementara itu, Khamarzan berkata, Pusat Sumber BBSH sedang mengusahakan koleksi bibliografi bekas-bekas Yang Dipertua BAKTI iaitu Dr. Siti Hasmah, Tun Suhaila Mohd. Noah dan Allahyarham Datin Seri Endon Mahmood.

Menurut beliau, pusat sumber tersebut menyediakan kemudahan bacaan, pinjaman dan rujukan kepada ahli-ahli BAKTI.